

**PELAKSANAAN PENGAJIAN ILMU HADITH  
DALAM MATA PELAJARAN *TURĀTH AL-SUNNAH*  
KURIKULUM *AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL  
ALBAB: SATU PENILAIAN AWAL***

Mohd Ridwan Razali<sup>1</sup>  
Mohd Muhiden Abd Rahman<sup>2</sup>  
Mohamad Azrien Mohamed Adnan<sup>3</sup>

**Abstrak**

Pelaksanaan pengajian hadith secara *turāthī* di Malaysia, pada dahulunya mendapat tempat dalam kalangan guru-guru pondok dan juga madrasah pengajian hadith. Dewasa kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan kesungguhan dalam memperkenalkan pengajian ilmu hadith secara *turāthī* dalam pelaksanaan mata pelajaran *Turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* khususnya di SM Intiaz Yayasan Terengganu Besut, Terengganu (SMIYTB). Justeru, kajian ini meneroka sejauh mana pelaksanaan ilmu hadith dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* SMIYTB. Data kajian dikumpulkan melalui proses analisis dokumen dan juga proses temu bual *semi struktur* bersama seorang Guru Pendidikan Islam *Turāth al-Sunnah* (GPITS) dan juga perbincangan kumpulan fokus bersama 18 orang murid tingkatan 4. Pekali *cohen kappa* terhadap data-data yang dianalisis menunjukkan data-data temu bual yang

---

<sup>1</sup> Guru Pendidikan Islam di SM Intiaz YT Besut, Terengganu. Email: [awangum1985@gmail.com](mailto:awangum1985@gmail.com)

<sup>2</sup> Prof Madya, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya. Email: [muhiden@um.edu.my](mailto:muhiden@um.edu.my)

<sup>3</sup> Guru Bahasa Arab (PhD) di Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Email: [mdazrien@um.edu.my](mailto:mdazrien@um.edu.my)

diperoleh adalah berada pada tahap tinggi bagi kedua-dua temu bual iaitu temu bual GPITS (72%) dan temu bual murid (79%). Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* adalah berasaskan kitab-kitab *turath* dalam bidang *al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalāh al-Ḥadīth*. Ia diperkenalkan kepada murid-murid sebagai pendedahan dan pengenalan secara asas kepada mereka bagi mendalami hadith-hadith Nabi SAW secara tekstual dan kontekstual dan untuk memahami ilmu-ilmu *Muṣṭalāh al-Ḥadīth* secara asas. Namun demikian, oleh sebab ia dilaksanakan dalam tempoh 60 minit seminggu serta dalam tempoh dua tahun sahaja, setiap kitab yang dipelajari dalam mata pelajaran tersebut disesuaikan dengan sistem pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu dengan diwujudkan sukatan pelajaran yang khusus bagi kedua-dua bidang pengajian tersebut. Justeru, kajian ini dilihat mampu memberikan maklumat penilaian awal yang mendalam tentang pelaksanaan pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* di SMIYTB.

**Kata Kunci:** Pengajian Ilmu Hadith, *Turāth al-Sunnah*, *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab*

**IMPLEMENTATION OF THE STUDY OF HADITH  
IN THE SUBJECT OF TURĀTH AL-SUNNAH  
CURRICULUM AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL  
ALBAB: AN INITIAL EVALUATION**

*Abstract*

*The implementation of the study of hadith by turāthī in Malaysia, in the past had a place among the teachers of the hut and also the madrasah of the study of hadith. Today, the Ministry of Education Malaysia (MOE) has shown seriousness in introducing the study of hadith in turāthī in the implementation of Turāth al-Sunnah subject al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab curriculum, especially at SM Intiaz Yayasan Terengganu Besut, Terengganu (SMIYTB). Thus, this study explores the extent of the implementation of hadith knowledge in the subject of turāth al-Sunnah curriculum of al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab at SMIYTB. Data were collected through document analysis process as well as semi-structured interview process with a of Islamic education teacher of Turāth al-Sunnah and also focus group discussion with 18 Form 4 students. Cohen kappa coefficient on the analyzed data shows the interview data obtained. was at a high level for both interviews namely of Islamic education teacher interviews (72%) and student interviews (79%). The findings of the study show that the implementation of the study of hadith in the subject of turāth al-Sunnah is based on the books of turath in the field of al-Ḥadīth and Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth. It is introduced to the students as a basic exposure and introduction to them in order to deepen the hadiths of the Prophet SAW textually and contextually and to understand the sciences of Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth in a basic way. However, because it is implemented within 60 minutes a week and within two years only, each book studied in the subject is adapted to the Ministry of Education (MOE) education system by creating a specific*

*syllabus for both fields of study. Thus, this study is seen to be able to provide in-depth initial evaluation information on the implementation of the study of hadith in the subject of turāth al-Sunnah curriculum al-Syahdah al-Ulya Ulul Albab at SMIYTB.*

***Keywords:*** *Turath Study, Hadith Science, Curriculum of al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab*

## Pengenalan

Mengamati pelaksanaan pengajian *turāth al-Sunnah*, didapati lazimnya ulama hadith menekankan metode pengajaran secara *al-Taḥammul*<sup>4</sup> dan *al-'Adā*<sup>5</sup> semasa menyampaikan ilmu pengajian hadith kepada para pelajar. Kedua-dua metode pengajaran tersebut melibatkan sebanyak tiga kombinasi kaedah pengajaran ilmu hadith yang utama iaitu *al-Sam'u* (mendengar), *al-Qirā'ah* (membaca) dan *al-Ijāzah* (pengijazahan sanad). Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan para pelajar dapat menguasai kitab-kitab *turāth al-Sunnah* yang muktabar secara berguru dari guru-guru yang *musnid* demi menjaga kesinambungan salasilah *sanad* antara generasi mutakhir dan terdahulu.<sup>6</sup> Penerapan amalan pengajaran tersebut juga adalah menepati syarat periwayatan hadith yang menetapkan ia perlu diterima secara berguru dan rantaian ilmu itu mesti bersambung serta tidak boleh terputus.<sup>7</sup> Pelaksanaan pengajian sedemikian adalah sebagaimana yang diamalkan di pusat-pusat pengajian pondok dan madrasah-madrasah pengajian hadith yang sudah tentu tempoh pengajiannya yang adalah dalam tempoh yang lama iaitu antara enam hingga lapan tahun.<sup>8</sup>

---

<sup>4</sup> Proses penerimaan hadith oleh murid daripada guru.

<sup>5</sup> Proses menyampaikan dan meriwayatkan hadith kepada seseorang.

<sup>6</sup> Farah Nur-Rashida, Farhah Zaidar, and Siti Mursyidah, "Ilmuwan Pengamal Sanad Sahih Al-Bukhari Alam Melayu Di Malaysia," *Jurnal Melayu* 18, no. 2 (2019): 256–67.

<sup>7</sup> Mohd Khafidz Soroni, "Pelajari Hadis Perlu Berguru Elak Salah Tafsir," BHONLINE 14 Oktober 2019, 2019, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/10/617439/pelajari-hadis-perlu-berguru-elak-salah-tafsir>.

<sup>8</sup> Qutrennada Rosli and Ahmad Yunus Mohd Noor, "Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal," in *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (Kaspi) 2015, UKM, 8 Disember 2015*, 2015, 131–38.

Namun begitu, pelaksanaan pengajian sedemikian dilihat tidak sesuai dilaksanakan dalam sistem pendidikan arus perdana di mana-mana sekolah menengah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan juga di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Hal ini adalah disebabkan pengajian ilmu hadith di peringkat sekolah menengah adalah hanya melibatkan sebahagian daripada sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam tingkatan satu hingga lima.<sup>9</sup>

Begitu juga dengan pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS) dan Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) yang hanya melibatkan sebahagian sahaja matan-matan hadith dan ilmu-ilmu *Mustalah al-Hadīth* yang dijadikan sebagai sebahagian daripada sukatan pelajaran.<sup>10</sup> Bahkan, kedua-dua mata pelajaran tersebut hanya ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif sahaja serta dilaksanakan dalam tempoh pengajian yang terlalu terhad<sup>11</sup> iaitu dalam tempoh dua tahun.<sup>12</sup> Tambahan pula, dari segi peruntukan masa pengajian adalah selama empat masa seminggu.<sup>13</sup> Justeru, amat mustahil jika

---

<sup>9</sup> Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, and Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh, Karya Dan Institusi* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Ḥadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010).

<sup>10</sup> Fauzi Deraman, Suliaman, and Shah., *Pengajian Hadith di Malaysia: Tokoh, Karya dan Institusi*, 11.

<sup>11</sup> Maulana Muhammad Ilyas and Mohd Akil, "Pembelajaran Ilmu Hadith Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Di Malaysia," *Jurnal Al-Turath* 2, no. 1 (2017): 10–19.

<sup>12</sup> Tingkatan 4 dan 5 sahaja.

<sup>13</sup> Azizi Umar and Noor Hisham Md Nawi, "Kekangan Peruntukan Waktu Mata Pelajaran Kurikulum Diniyah Di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Kelantan Dalam Memenuhi Kurikulum

pelaksanaan pengajian *turāth al-Sunnah* diteruskan di mana-mana sekolah menengah di bawah pentadbiran KPM.

Walau bagaimanapun, bermula dari Januari tahun 2018 pengajian *turāth al-Sunnah* mula dijadikan sebagai sebahagian mata pelajaran utama dalam pelaksanaan kurikulum *al-Syhadah al-Ulya Ulul Albab*<sup>14</sup> serta hanya dipelajari oleh murid-murid tingkatan 4 dan 5 di Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Besut, Terengganu (SMIYTB) yang berada di bawah pentadbiran dan pengurusan KPM.<sup>15</sup> Melihat kepada usaha murni KPM tersebut, satu kajian perlu dilaksanakan dengan tujuan untuk menerokai sejauh mana pelaksanaan pengajian *turāth al-Sunnah* dalam sistem pendidikan arus perdana. Hal ini kerana pengajian ilmu hadith yang bersifat *turāthī* lazimnya dilaksanakan di pusat-pusat pengajian pondok dan juga di madrasah-madrasah pengajian hadith. Justeru, kajian ini akan menerokai matlamat pelaksanaan pengajian *turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syhadah al-Ulya Ulul Albab* serta peruntukan masa yang ditetapkan bagi mata pelajaran tersebut. Selain itu, turut di terokai juga tentang sukatan kurikulum pengajian *turāth al-Sunnah* yang ditetapkan oleh KPM serta kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang diterapkan oleh guru mata pelajaran semasa melaksanakan aktiviti PdP mata pelajaran tersebut.

---

Kebangsaan,” *MALIM – Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* x, no. x (2008): 56–70.

<sup>14</sup> Dewan Negara, “Parlimen Ketiga Belas Penggal Keenam Mesyuarat Pertama Bil.5, 29 Mac 2018.,” 2018.

<sup>15</sup> *Imtiaz School of Excellence Program Al-Syhadah Al-Ulya Ulul Albab* (Terengganu: Yayasan Terengganu, n.d.), 3.

## Kajian Literatur

Bagi mendapatkan gambaran awal berkenaan kaedah pengajian *turāth* dalam pengajian ilmu hadith di Malaysia, penulis meneliti kajian-kajian lepas yang berkaitan. Dalam hal ini, penulis memberikan penelitian terhadap pengajian-pengajian ilmu hadith secara tradisional seperti yang diamalkan di pusat-pusat pengajian pondok, madrasah dan masjid. Selain itu, penulis juga turut meneliti beberapa kajian berkenaan pelaksanaan pengajian ilmu hadith secara moden seperti yang dilaksanakan di peringkat sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

### **Pengajian Ilmu Hadith di Pusat Pengajian Pondok, Madrasah dan Masjid**

Didapati antara institusi-institusi pengajian ilmu hadith yang masih lagi menerapkan kaedah pengajian *turāthī* sebagai metode pengajaran dan pembelajaran yang utama, ialah pusat pengajian pondok di Baling, Kedah,<sup>16</sup> Maahad Darul Hadith, Kedah,<sup>17</sup> pusat pengajian pondok al-Madrasah al-Latīfiyyah, Perak<sup>18</sup> dan Pondok Lubuk Tapah, Kelantan.<sup>19</sup> Hal ini kerana, sistem pengajian yang dilaksanakan di institusi-institusi pendidikan tersebut adalah menekankan penguasaan kitab-kitab *turāth* dalam pengajian ilmu hadith

---

<sup>16</sup> Mohd Napiyah Abdullah, "Pengajian Hadis Di Institusi Pondok: Satu Kajian Di Daerah Baling, Kedah," *Islāmiyyāt* 10 (1989): 31–42.

<sup>17</sup> Qutrennada Rosli dan Ahmad Yunus Mohd Noor, "Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal" (makalah, Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) 2015, UKM, 8 Disember 2015), 134.

<sup>18</sup> Fauzi Deraman, Suliaman, and Shah, *Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh, Karya Dan Institusi*.

<sup>19</sup> Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah, 213.



dengan mengekalkan tradisi pengajian ilmu tersebut dalam bentuk asal.<sup>20</sup>

Berteraskan kaedah pengajian sedemikian, didapati kaedah pengajaran yang berbentuk syarahan atau berpusatkan guru menjadi teras utama dalam sistem pengajian di institusi-institusi pendidikan tersebut. Selain itu didapati juga beberapa strategi pengajaran seperti menadah pelbagai kitab hadith dari kulit ke kulit secara *talaqqī mushāfahah* dan *talaqqī bersanad* yang diadakan dalam bentuk *halāqah*, *al-Tikrār*<sup>21</sup>, penerangan secara ringkas tentang perawi-perawi hadith serta status hadith, terjemahan secara intra-bahasa<sup>22</sup> serta terjemahan secara inter-bahasa<sup>23</sup> dan *ḍābiṭ*<sup>24</sup> turut juga diamalkan secara konsisten oleh para tenaga pengajar.

Lebih menarik lagi, bagi membantu pelajar-pelajar baharu untuk memahami isi pengajian kitab-kitab *turāth* yang dipelajari dengan lebih berkesan, pelajar-pelajar yang sudah lama menuntut di institusi berkenaan dilantik menjadi ketua *muṭāla'ah*<sup>25</sup> dan berlakunya sesi soal jawab dan perbincangan antara guru dengan murid selepas sesi pembelajaran berlangsung.<sup>26</sup>

---

<sup>20</sup> Qutrennada Rosli dan Ahmad Yunus Mohd Noor, "Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal", 134.

<sup>21</sup> Pembacaan matan hadith dan kitab-kitab pengajian akan dilakukan beberapa kali oleh guru.

<sup>22</sup> Terjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Arab.

<sup>23</sup> Terjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu.

<sup>24</sup> (*Ḍābiṭ* bermaksud para pelajar dikehendaki mencatat pada setiap helaian kitab tentang maksud sesebuah hadith dari segi tekstual dan konseptual, hukum-hukum yang terkandung dalam hadith dan ilmu-ilmu nahu yang disampaikan oleh guru). Hal ini adalah berdasarkan definisi yang diberikan oleh Mohd Napiah Abdullah, "Pengajian Hadis di Institusi Pondok: Satu Kajian Di Daerah Baling, Kedah", 38.

<sup>25</sup> Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah, 210.

<sup>26</sup> *Ibid*, 214.

Kaedah pengajian *turāth* juga dapat dilihat dengan jelas diamalkan di institusi pengajian pondok yang mempunyai sistem pengajian yang lebih moden seperti di pusat pengajian Pondok Moden Kandis, Bachok, Kelantan. Sistem pengajian ilmu hadith yang diaplikasikan di institusi pengajian tersebut adalah sedikit berbeza berbanding dengan sistem pengajian ilmu hadith yang diamalkan di pusat pengajian pondok tradisional, iaitu dengan melaksanakan strategi pengajaran berpusatkan guru secara serentak dengan strategi pengajaran berpusatkan murid sebagaimana yang pernah dilaksanakan oleh al-Imām al-Bukhārī.

Sebagai misalnya, antara strategi pengajaran berpusatkan guru yang dilaksanakan di Pondok Moden Kandis, Bachok ialah menadah kitab, mengkhatamkan kitab (membaca dari kulit ke kulit), menghafaz hadith dan aktiviti soal jawab sebagaimana yang dilaksanakan di pusat-pusat pengajian pondok tradisional. Cuma, semasa melaksanakan strategi pengajaran secara *talaqqī mushāfahah*, kedua-dua jenis strategi tersebut dipisahkan dengan masing-masing dijadikan sebagai strategi pengajaran yang berasingan. Pemisahan ini dilakukan oleh tenaga pengajar di institusi pengajian tersebut kerana didapati strategi pengajaran berbentuk *mushāfahah* lebih bersifat dua hala serta dapat menjadikan para penuntut lebih aktif sepanjang proses pengajaran dilaksanakan. Pelaksanaan strategi pengajaran sedemikian dilaksanakan adalah bersesuaian dengan perubahan zaman.<sup>27</sup>

Dalam konteks pengajian ilmu hadith di peringkat madrasah pengajian hadith pula, didapati antara madrasah yang masih lagi mengamalkan sistem pengajian hadith yang bersifat *turāthī* seperti menerapkan kaedah pengajian ilmu

---

<sup>27</sup> Ibid, 208.

hadith secara *talaqqī* bersanad berpandukan kitab-kitab matan *al-Ḥadīth*, *sharḥ al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth* serta menghafaz matan-matan hadith ialah seperti Madrasah Miftah al-‘Ulum, Bandar Baru Seri Petaling,<sup>28</sup> Pusat Pengajian al-Qur’an Darul al-Sunnah al-Kauthar (PPADK),<sup>29</sup> Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI),<sup>30</sup> Madrasah al-Quran Kubang Bujuk<sup>31</sup> dan Darul ‘Ulum Ihyā’ ‘Ulumuddin, Alor Setar, Kedah.<sup>32</sup>

Selain itu, sistem pengajian hadith yang diamalkan di madrasah-madrasah tersebut adalah melibatkan tempoh pengajian yang lama iaitu antara tujuh hingga lapan tahun pengajian, dengan tujuan untuk menyemai budaya ilmu yang diamalkan oleh ulama-ulama hadith yang terdahulu.<sup>33</sup> Pelaksanaan sistem pengajian sedemikian berjaya menjadikan madrasah-madrasah tersebut sebagai institusi-institusi pengajian ilmu hadith yang mengamalkan sistem pengajian ilmu hadith berteraskan kaedah pengajian *turāth* dengan cemerlang.

Melihat pula kepada institusi masjid yang merupakan antara institusi pendidikan yang memainkan peranan penting dalam pengajian ilmu hadith di Malaysia sedari dahulu hingga sekarang. Didapati pada kebiasaannya, pengajian ilmu hadith di institusi masjid dilaksanakan selepas solat Maghrib atau Subuh dengan perbincangan adalah berkisar tentang beberapa kitab utama seperti kitab Hadith 40, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, *Bulūgh al-Maram* dan Mastika Hadith. Bahkan

---

<sup>28</sup> Ibid, 217.

<sup>29</sup> Ibid, 221.

<sup>30</sup> Ibid, 225.

<sup>31</sup> Ibid, 229.

<sup>32</sup> Qutrennada Rosli dan Ahmad Yunus Mohd Noor, “Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Darul ‘Ulūm Ihyā’ ‘Ulūmuddīn Alor Setar Kedah: Keberkesanan, Metodologi dan Persepsi Pelajar”, *Akademika* 87, 3 (2017), 142 -146.

<sup>33</sup> Ibid, 219.

terdapat juga pengajian di institusi masjid yang melibatkan perbincangan kitab-kitab hadith yang muktabar seperti kitab *Ṣaḥīh al-Bukhārī*.<sup>34</sup>

Selain itu, didapati juga kebanyakan tenaga pengajar di institusi masjid banyak menekankan perbincangan berkaitan hadith-hadith tentang hukum *fiqh* atau disebut sebagai *al-Aḥādīth al-Aḥkām* dengan memfokuskan pandangan *fuqahā'* berbanding ilmu-ilmu berkaitan pengajian ilmu hadith. Walaupun begitu, proses pengajian yang dilaksanakan di masjid tetap mengekalkan kaedah pengajian *turāth al-Sunnah* sebagaimana yang dilaksanakan di pusat-pusat pengajian pondok dan juga di madrasah-madrasah pengajian hadith. Proses pengajian tersebut adalah seperti perbincangan dari sudut sanad, matan, lafaz, perawi, kitab<sup>35</sup> dan melibatkan proses pengajian dalam tempoh yang panjang.

Kesimpulannya, wajarlah ketiga-tiga jenis institusi pendidikan yang dibincangkan adalah terdiri daripada institusi pengajian hadith yang melaksanakan sistem pengajian hadith secara *turāthi*. Hal ini dinilai berdasarkan tempoh pengajian yang lama, kurikulum pengajian ilmu hadith yang mendalam serta kaedah-kaedah PdP yang dapat mendorong setiap pelajar untuk mendalami setiap ilmu pengajian hadith dengan lebih berkesan.

## **Pengajian Ilmu Hadith di Peringkat Sekolah**

Menelusuri pula perkembangan pengajian ilmu hadith di peringkat sekolah seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) khususnya, didapati hanya sejumlah hadith sahaja

---

<sup>34</sup> Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah, 17.

<sup>35</sup> Rohaizan Baru, "Perkembangan Ilmu Hadis di Negeri Terengganu Darul Iman", *Jurnal Usuluddin* 23, 23 (2015), 103.

yang dipelajari oleh murid-murid dari tingkatan satu hingga tingkatan lima dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.<sup>36</sup> Manakala bagi murid-murid yang mengikuti pengajian Kelas Aliran Agama (KAA) di SMK dan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), pengajian ilmu hadith dipelajari secara khusus dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) dan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS) hanya di tingkatan empat dan tingkatan lima sahaja.<sup>37</sup> Selain itu, pengajian ilmu hadith dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut hanya melibatkan peruntukan masa PdPC yang terhad<sup>38</sup> iaitu selama empat masa seminggu sebagaimana yang ditetapkan dalam 'Jadual 13 dan 14, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996', sebagaimana yang diringkaskan dalam 'jadual 2' kajian Azizi Umar dan Noor Hisham Md Nawi.<sup>39</sup>

Dalam aspek penggunaan teks pengajian ilmu hadith, didapati penggunaan kitab-kitab *turāth* yang diamalkan di institusi-institusi pengajian pondok dan madrasah pengajian hadith, tidak diterapkan di peringkat sekolah. Sebaliknya pengajian ilmu hadith hanyalah dipelajari melalui buku teks yang disediakan oleh KPM. Walau bagaimanapun, didapati timbul beberapa isu dalam penggunaan buku teks semasa pengajian ilmu hadith di peringkat sekolah. Hal ini dibuktikan melalui dapatan kajian yang mendapati seramai 75% GPI tidak bersetuju bahawa buku teks yang sedia ada mencukupi untuk bidang pengajian ilmu hadith, malah

---

<sup>36</sup> Ibid, 18.

<sup>37</sup> Ilyas and Akil, "Pembelajaran Ilmu Hadith Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Di Malaysia.", 11.

<sup>38</sup> Ibid, 17.

<sup>39</sup> Azizi Umar dan Noor Hisham Md Nawi, "Kekangan Peruntukan Waktu Mata Pelajaran Kurikulum Diniyah Di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Kelantan Dalam Memenuhi Kurikulum Kebangsaan" *MALIM – Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 17 (2016), 60.

menyarankan KPM untuk menyediakan buku teks yang khusus bagi bidang pengajian ilmu hadith.<sup>40</sup> Bahkan terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa buku teks sedia ada perlu kepada semakan semula kerana terdapat beberapa teks hadith yang disediakan tidak selari dengan teks hadith dari kitab asal.<sup>41</sup>

Selain itu, dalam aspek penerapan kaedah PdP ilmu hadith, didapati KPM tidak menggalakkan para guru untuk mengaplikasikan kaedah pengajian *turāth* dalam kesemua mata pelajaran, termasuklah mata pelajaran-mata pelajaran yang mengandungi pengajian ilmu hadith seperti Pendidikan Islam, Tasawwur Islam, PQS dan PSI. Hal ini disebabkan, sekiranya kaedah pengajaran sedemikian dilaksanakan juga, dibimbangi ia akan menyebabkan murid-murid cepat bosan sepanjang PdPC berlangsung serta menyebabkan murid-murid kurang berminat untuk mendalami ilmu-ilmu berkaitan bidang pengajian ilmu hadith<sup>42</sup> pada masa hadapan.

Walaupun demikian, didapati KPM mengorak langkah dengan menerapkan pengajian ilmu hadith secara *turāthī* atau *turāth al-Sunnah* dalam kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* yang mula dilaksanakan di Sekolah Menengah Intiaz Yayasan Terengganu Besut, Terengganu (SMIYTB) sejak dari Januari tahun 2018.<sup>43</sup> Murid-murid yang mengikuti pengajian ilmu hadith dalam kurikulum tersebut, diwajibkan untuk mengikuti mata pelajaran *turāth al-Sunnah* yang mengandungi dua pecahan bidang utama

---

<sup>40</sup> Rorsuedee Salaeh (2007), dalam Ilyas and Akil, "Pembelajaran Ilmu Hadith Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Di Malaysia.", 17.

<sup>41</sup> Januri (2000), dalam Ilyas dan Akil, 17.

<sup>42</sup> Ibid, 17.

<sup>43</sup> Dewan Negara, "Parlimen Ketiga Belas Penggal Keenam Mesyuarat Pertama Bil.5, 29 Mac 2018.", 26.

iaitu *al-Ḥadīth* dan *Mustalah al-Ḥadīth*. Oleh yang demikian, murid-murid yang mengikuti kurikulum tersebut diwajibkan mempelajari sebanyak *empat* buah kitab *turath* yang menjadi teks pengajian utama dalam kedua-dua bidang tersebut iaitu matan *al-Arba'in al-Nawawiyyah* dan *al-Wāfi fī Sharḥ al-Arba'in al-Nawawiyyah* (bidang pengajian *al-Ḥadīth*) serta matan *al-Bayqūniyyah* dan *al-Taqrirāt al-Saniyyah* (bidang pengajian *Mustalah al-Ḥadīth*).<sup>44</sup>

Justeru, dapatlah disimpulkan pelaksanaan pengajian ilmu hadith dalam sistem pendidikan arus perdana yang diamalkan di sekolah-sekolah kelolaan KPM merupakan serpihan bidang kemahiran agama Islam yang dipelajari dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, PSI dan PQS. Selain itu, ia juga sangat berbeza dengan pengajian ilmu hadith yang dilaksanakan di institusi pengajian pondok, madrasah pengajian hadith dan masjid terutamanya dari segi penggunaan teks pengajian, peruntukan masa dan juga penerapan kaedah PdP. Walau bagaimanapun, dengan wujudnya pelaksanaan pengajian ilmu hadith melalui mata pelajaran *turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syhadah al-Ulya Ulul Albab* di SMIYTB, ia memberikan gambaran awal bahawa KPM sedang berusaha untuk menerapkan nilai-nilai pengajian ilmu hadith secara *turāthi* dalam sistem pendidikan arus perdana. Oleh yang demikian, satu penilaian awal perlu dilaksanakan terhadap usaha murni ini agar pelaksanaannya dapat diketahui oleh setiap lapisan masyarakat.

---

<sup>44</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Turath al-Quran dan al-Sunnah Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Tingkatan 4, 2*.

## Kaedah Penyelidikan

Kajian ini adalah merupakan satu kajian yang sepenuhnya menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif yang melibatkan gabungan antara kajian kepustakaan<sup>45</sup> dan kajian lapangan<sup>46</sup> khususnya bagi metode pengumpulan data kajian.<sup>47</sup> Dalam erti kata lain, kajian ini adalah satu ‘kajian kes’ yang bertujuan untuk meneroka, membuat penemuan dan interpretasi<sup>48</sup> terhadap amalan<sup>49</sup> pengajaran guru Pendidikan Islam (GPI) yang bertanggungjawab melaksanakan pengajian ilmu hadith dalam konteks sistem pendidikan arus perdana yang diamalkan di SM Intiaz Yayasan Terengganu Besut, Terengganu.

Oleh itu, terdapat dua jenis sampel kajian yang diguna pakai dalam kajian ini iaitu unit sampel analisis dokumen dan peserta temu bual. Instrumen analisis dokumen melibatkan sebanyak dua jenis dokumen rasmi<sup>50</sup> iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Turath al-Quran dan al-Sunnah (DSKP TQS) tingkatan 4 dan tingkatan 5, serta empat jenis dokumen tidak rasmi<sup>51</sup> iaitu Rancangan

---

<sup>45</sup> Analisis Dokumen.

<sup>46</sup> Temu bual.

<sup>47</sup> John W. Creswell, *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (United States of America: SAGE Publications, Inc, 2014), 239-240.

<sup>48</sup> Ibid, 477.

<sup>49</sup> Creswell (2020) dalam Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin, *Kajian Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018), 454.

<sup>50</sup> Dokumen yang diperoleh daripada kementerian dan agensi-agensinya seperti surat rasmi, fail, enrolmen, laporan tahunan dan penyata-penyata rasmi. Rujuk John W. Creswell, *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 240.

<sup>51</sup> Jurnal, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, rancangan pengajaran harian, nota lapangan, pamflet atau brosur, kertas kerja program dan sebagainya. Rujuk John W. Creswell, 240.



Pengajaran Tahunan (RPT) *Turāth al-Sunnah* Tingkatan 4, RPT *Turāth al-Sunnah* Tingkatan 5, E-Rancangan Pengajaran Harian (e-RPH) *Turāth al-Sunnah* dan Jadual Waktu Persendirian Guru Pendidikan Islam Turatah al-Sunnah (GPITS). Bagi sampel kajian temu bual pula, ia melibatkan seorang sahaja GPITS dan 18 orang murid tingkatan 4 program *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab*.

Kesemua data analisis dokumen yang dikumpulkan, kemudian dianalisis dengan menggunakan borang analisis dokumen<sup>52</sup> dan data temu bual yang diperoleh kemudiannya dikodkan selepas ditranskripsikan. Kedua-dua bentuk analisis tersebut dilaksanakan adalah bertujuan untuk membentuk tema dan subtema<sup>53</sup> yang bertepatan dengan matlamat kajian ini. Pada akhirnya, kesemua data tersebut disahkan oleh seorang pakar dalam bidang kandungan<sup>54</sup> dan seorang lagi pakar dalam bidang penyelidikan kualitatif,<sup>55</sup> Hasil daripada penilaian pakar tersebut, ia dinilai berdasarkan nilai kebolehpercayaan persetujuan *Indeks Cohen Kappa* (K) pula dengan indikator persetujuan pekali *Cohen Kappa* iaitu 72% bagi temu bual bersama GPI dan 79% bagi temu bual murid.

---

<sup>52</sup> Data yang diperoleh dari analisis dokumen.

<sup>53</sup> Kesemua proses analisis data temu bual yang dimaksudkan adalah sebagaimana yang dicadangkan oleh Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin. Lihat *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*, 528.

<sup>54</sup> Dr. Khadher bin Ahmad (Pensyarah Kanan di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

<sup>55</sup> Dr. Tengku Sarina Aini binti Tengku Kassim (Pensyarah Kanan Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, didapati pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* di SMIYTB adalah melibatkan dua bidang utama iaitu *al-Hadīth* dan *Muṣṭalāḥ al-Hadīth*. Hal ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam temu bual penulis bersama guru mata pelajaran *turāth al-Sunnah* berkaitan bidang-bidang pengajian yang dipelajari dalam mata pelajaran tersebut;

“*Dua sahaja...hadith dan Mustalah*”.

TBGPITS, u.14

Selain itu, ia juga merupakan mata pelajaran berbentuk *turāthī* yang baharu diperkenalkan oleh KPM dalam sistem pendidikan arus perdana. Pelaksanaan mata pelajaran tersebut dalam sistem pendidikan arus perdana adalah bertujuan untuk membina dan membentuk hamba juga khalifah Allah SWT yang memahami *al-Quran* dan *al-Sunnah*, berilmu, beriman, bertakwa, berakhlak mulia dan berketrampilan serta dapat menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan kesejahteraan negara serta alam demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>56</sup> Ia juga adalah selari dengan matlamat pelaksanaan kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* iaitu untuk melahirkan generasi pelapis ulama yang berpengetahuan tinggi dan luas dalam ilmu *dunyaāwī* dan *ukhrāwī*<sup>57</sup> serta berkepakaran dalam bidang pengajian Islam dan

---

<sup>56</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Turath Al-Quran Dan Al-Sunnah Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Tingkatan 4*.

<sup>57</sup> *Imtiaz School of Excellence Program Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab*.

kehidupan.<sup>58</sup> Dalam hal ini, matlamat pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran tersebut dilihat selari dengan matlamat pengajian ilmu hadith di institusi pengajian pondok yang bertujuan untuk menyemai budaya ilmu yang diamalkan oleh ulama-ulama hadith yang terdahulu.<sup>59</sup>

Selaras dengan itu, murid-murid yang mengikuti mata pelajaran tersebut didedahkan tentang perbincangan matan-matan hadith-hadith secara tekstual dan kontekstual serta dapat memahami secara asas tentang ilmu-ilmu *Muṣṭalāh al-Ḥadīth* berpandukan empat buah kitab *turāth* dalam bahasa Arab iaitu *al-Arba'in al-Nawawiyah*<sup>60</sup> dan *al-Wāfi fī Sharḥ al-Arba'in al-Nawawiyah*<sup>61</sup> (bidang pengajian *al-Ḥadīth*) serta kitab matan *al-Manzūmah al-Bayqūniyyah fī Muṣṭalāh al-Ḥadīth*<sup>62</sup> dan kitab *al-Taqrīrāt al-Saniyyah fī Ḥall Alfāz al-Manzūmah al-Bayqūniyyah*<sup>63</sup> (bidang pengajian *Muṣṭalāh al-Ḥadīth*). Dalam erti kata lain, ia juga bertujuan untuk menyediakan murid-murid yang lebih bersedia untuk meneruskan pengajian dalam bidang pengajian ilmu hadith ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini dapat diperhatikan melalui petikan temu bual berikut:

“(mmm)...begini...ia adalah satu konsep untuk memperkenalkan kitab-kitab *turāth al-Sunnah* , yang pada asasnya adalah

<sup>58</sup> *Imtiaz School of Excellence Program Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab.*

<sup>59</sup> Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah, 219.

<sup>60</sup> al-Imām Abī Zakariyya Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī, *Kitāb Al-Arba'in Al-Nawawiyah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2014).

<sup>61</sup> Muṣṭafā Dīb al-Bughā dan Muḥyi al-Dīn Mistū, *Al-Wāfi Fī Sharḥ Al-Arba'in Al-Nawawiyah* (Damshiq: Dār al-Muṣṭafā, 2006).

<sup>62</sup> Tāhā Ibn Muhammad al-Bayqūnī, *Al-Manzūmah Al-Bayqūniyyah Fī Muṣṭalāh Al-Ḥadīth* (Kaherah: Dār al-Ghad al-Jadīd, 2012).

<sup>63</sup> Hasan Muḥammad al-Mashāt, *Al-Taqrīrāt Al-Saniyyah Fī Ḥall Alfāz Al-Manzūmah Al-Bayqūniyyah* (Terengganu: Darr Omar al-Mokhtar Sdn. Bhd., 2016).

*untuk memperkenalkan kitab-kitab turāth al-Sunnah kepada pelajar untuk mereka dapat (mmm) kefahaman yang asas berkenaan dengan turāth al-Sunnah. (aaa) jadi...selepas daripada ini, mereka boleh mendalami turāth al-Sunnah di peringkat yang lebih tinggi lagi...(aaa) program al-Syahadah al-Ulya adalah sebagai pengenalan...atau pun sebagai ilmu asas kepada...kitab turāth al-Sunnah itu sendiri”.*

TBGPITS, u.6

Pelaksanaan pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* dalam kurikulum tersebut juga adalah merupakan program rintis dan pertama di Malaysia<sup>64</sup> bagi menghidupkan kembali pengajian ilmu hadith secara *turāthī* kepada pendekatan yang bersifat moden<sup>65</sup> dalam sistem pendidikan arus perdana. Oleh yang demikian, dalam hal ini KPM mencadangkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang khusus bagi mata pelajaran tersebut iaitu gabungan daripada kaedah pengajian kitab turath (KPKT) dan strategi pembelajaran berpusatkan murid (SPBM). Antara KPKT yang disarankan oleh KPM untuk diaplikasikan dalam pengajian *Turāth al-Sunnah* ialah *talaqqī*, *harfan bi harfin*, tafsiran intrabahasa, *dābiṭ* dan hafalan. Manakala antara SPBM yang dicadangkan adalah pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, pembelajaran luar bilik darjah,

---

<sup>64</sup> *Imtiaz School of Excellence Program Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab.*

<sup>65</sup> *Imtiaz School of Excellence Program Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab, 2.*

pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran berasaskan inkuiri.<sup>66</sup>

Namun begitu, berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Turath al-Quran dan al-Sunnah (DSKP TQS) Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, didapati pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* bukanlah melibatkan pembelajaran secara berkitab dari kulit ke kulit, bahkan hanya beberapa tajuk sahaja yang dipilih daripada kitab-kitab tersebut kemudian dijadikan sebagai sukatan pelajaran khusus bagi bidang pengajian *al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalāh al-Ḥadīth* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab*.<sup>67</sup> Jadual 1 berikut menerangkan sukatan pelajaran bagi bidang pengajian *al-Ḥadīth* yang dipelajari dalam mata pelajaran tersebut;

**Jadual 1 Sukatan Pelajaran bidang pengajian *al-Ḥadīth* mata pelajaran *Turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab***

Bil.	No. Matan Hadith	Tajuk Syarah Hadith	Ting
1.	3	<i>Arkān al-Islām</i>	4
2.	5	<i>Ibṭāl al-Munkarāt wa al-Bid'</i>	4
3.	7	<i>al-Dīn al-Naṣīhah</i>	4
4.	8	<i>Ḥurmah al-Muslim</i>	4

<sup>66</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Turath al-Quran dan al-Sunnah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 5* (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018), 8-10.

<sup>67</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Turath al-Quran dan al-Sunnah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 5* (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018), 25-33 dan 34-40.

5.	10	<i>al-Ṭayyib al-Ḥalāl Shurūṭ al-Qabūl</i>	4
6.	12	<i>al-Ishtighāl bi mā yufīd</i>	4
7.	14	<i>Ḥurmah Damm al-Muslim</i>	4
8.	16	<i>Lā Taghḍab walaka al-Jannah</i>	4
9.	17	<i>‘Umūm al-Iḥsān</i>	4
10.	19	<i>‘Aun Allāh Ta’ālā wa Ḥifẓih</i>	4
11.	24	<i>Tahrīm al-Zulm</i>	5
12.	25	<i>Faḍl Allāh Ta’ālā wa Si’ah Raḥmatih</i>	5
13.	27	<i>al-Birr wa al-Ithm</i>	5
14.	31	<i>Haqīqah al-Zuhd</i>	5
15.	35	<i>Ukhuwwah al-Islām wa Ḥuqūq al-Muslim</i>	5
16.	37	<i>‘Adl Allāh Ta’ālā wa Faḍlih wa Quḍratih</i>	5
17.	40	<i>Ighthinām al-Dunyā li al-Fawz bi al-Ākhirah</i>	5
18.	41	<i>Ittibā’ Shar’ Allāh ‘Imād al-Īmān</i>	5

---

Sumber: Standard Kandungan bagi mata pelajaran *al-Hadīth*, DSKP TQS Tingkatan 4 (*dr01*) dan Tingkatan 5 (*dr02*)

Berdasarkan jadual 1 berikut, didapati bidang pengajian *al-Hadīth* dalam mata pelajaran tersebut hanya melibatkan 18 matan hadith pilihan yang dipilih daripada kitab yang bertajuk *al-Arba’in al-Nawawiyyah*. Kesemua matan hadith tersebut perlu dihafaz dengan baik serta perlu difahami maksudnya secara tekstual dan kontekstual dengan menggunakan kitab *al-Wāfi fī Sharḥ al-Arba’in al-*

*Nawawiyyah*.<sup>68</sup> Dapatan ini juga diperkukuhkan dengan keterangan daripada peserta temu bual dalam kalangan murid, sebagaimana berikut;

*“(mmm) bagi mata pelajaran Hadith bukan kesemua matan hadith perlu dihafaz (mmm), bagi tingkatan <form> empat adalah sebanyak sepuluh matan hadith, manakala bagi tingkatan >form> lima adalah sebanyak lapan matan hadith...”*.

FGD2/ Inf4, u.7

*“Tingkatan empat (aaa), sepuluh matan hadith, tingkatan lima, lapan matan hadith. Senang kata, hadith-hadith yang perlu dihafaz telah ditetapkan dalam <muqarrar>”*.

FGD3/ Inf3, u.9

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan 18 matan hadith pilihan tersebut, tidaklah diambil secara berturutan sebagaimana yang dinukilkan dalam kitab asal, bahkan hanya matan-matan hadith yang bersesuaian dengan realiti kehidupan murid-murid serta mampu diamalkan oleh mereka sahaja yang dipilih dan dijadikan sebagai sukatan pelajaran.<sup>69</sup> Selain itu, turut didapati juga fokus pengajian bagi mata pelajaran *al-Ḥadīth* hanyalah melibatkan hafazan dan pembentukan pemahaman terhadap matan-matan hadith dari segi makna setiap lafaz hadith, *fiqh al-Ḥadīth* dan

---

<sup>68</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Turath Al-Quran Dan Al-Sunnah Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Tingkatan 4., 2.*

<sup>69</sup> Mohd Ridwan Razali, “Amalan Pengajaran Turath Al-Sunnah Program Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab: Kajian Di SM Imtiaz, Besut, Terengganu” (Universiti Malaya, 2020), 95.

pengajaran hadith sahaja. Malah ia bukanlah pengajian hadith yang melibatkan perbincangan tentang status hadith mahu pun perawi hadith.

Jadual 2 berikut pula, menerangkan sukatan pelajaran bagi bidang pengajian *Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab*;

**Jadual 2 Sukatan Pelajaran Mata Pelajaran  
*Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth***

<b>Bil.</b>	<b>No. Matan</b>	<b>Tajuk Pelajaran</b>	<b>Ting</b>
1.	1 & 2	<i>al-Madkhāl fī ‘ilm al-Ḥadīth</i>	4
2.	3 & 4	<i>al-Ḥadīth al-Ṣaḥīḥ</i>	4
3.	5	<i>al-Ḥadīth al-Ḥasan</i>	4
4.	6	<i>al-Ḥadīth al-Ḍa’iḥ</i>	4
5.	7	<i>al-Ḥadīth al-Marfū’ wa al-Ḥadīth al-Maqtū’</i>	4
6.	8	<i>al-Ḥadīth al-Musnad</i>	4
7.	9	<i>al-Ḥadīth al-Muttaṣil</i>	4
8.	10, 11 & 12	<i>al-Ḥadīth al-Musalsal wa al-Ḥadīth al-‘Azīz wa al-Ḥadīth al-Mashhūr</i>	4
9.	13	<i>al-Ḥadīth al-Mu’an’an</i>	4
10.	13	<i>al-Ḥadīth al-Mubham</i>	4
11.	14	<i>al-Ḥadīth al-‘Ālī wa al-Ḥadīth al-Nāzil</i>	4
12.	15	<i>al-Ḥadīth al-Mawqūf</i>	4
13.	16	<i>al-Ḥadīth al-Mursal</i>	4
14.	16	<i>al-Ḥadīth al-Gharīb</i>	4
15.	18	<i>al-Ḥadīth al-Mu’ḍal</i>	5
16.	18,19 & 20	<i>al-Ḥadīth al-Mudallas</i>	5
17.	21, 22 & 23	<i>al-Ḥadīth al-Shādh</i>	5



18.	24	<i>al-Ḥadīth al-Mu'allal</i>	5
19.	25	<i>al-Ḥadīth al-Muḍṭarib</i>	5
20.	30 & 31	<i>al-Ḥadīth al-Munkar</i>	5
21.	32	<i>al-Ḥadīth al-Mawḍū'</i>	5

---

Sumber: Standard Kandungan bagi mata pelajaran *Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth*, DSKP TQS Tingkatan 4 (*dr01*) dan Tingkatan 5 (*dr02*)

Berdasarkan jadual 2 berikut, didapati sukatan pelajaran bagi bidang *Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth* mata pelajaran *turath al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* adalah berpandukan kitab matan *al-Manzūmah al-Bayqūniyyah fī Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth'* dan kitab syarah bagi matan *al-Bayqūniyyah* iaitu kitab '*al-Taqrīrāt al-Saniyyah fī Ḥall Alfāz al-Manzūmah al-Bayqūniyyah'*. Namun begitu, bukan semua matan atau *bayt* daripada kitab *al-Manzūmah al-Bayqūniyyah* dipelajari oleh murid-murid. Bahkan hanya 27 *bayt* sahaja yang dipilih dan dijadikan sebagai sukatan pelajaran. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama kesemua *bayt* (32 *bayt*) yang terkandung dalam kitab matan tersebut wajib dihafaz oleh semua murid yang mempelajari mata pelajaran tersebut.

Penetapan sukatan pelajaran bagi kedua-dua bidang tersebut adalah selaras dengan konsep '*exam oriented*' yang berfungsi sebagai penilaian akhir terhadap penguasaan murid-murid dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah*. Hal ini sekaligus menyebabkan kaedah pengajian ilmu hadith secara *turāthī* seperti *al-Taḥammul wa al-'Adā'* tidak dapat diaplikasikan secara berkesan oleh guru mata pelajaran. Hal ini adalah sebagaimana yang dijelaskan oleh guru mata pelajaran dalam sesi temu bual yang dilaksanakan:

*“(aaa) sememangnya kaedah pengajian hadith yang diamalkan di pusat pengajian pondok seperti <al-Ijāzah>, <al-‘Adā’> dan <al-Taḥammul> tidak diamalkan di sini”.*

TBGPITS, u.10

*“Apabila murid-murid menduduki peperiksaan SPM, konsep <al-Taḥammul> tidak diterapkan kerana pelaksanaan pengajian Turāth al-Sunnah hanyalah melibatkan proses hafalan dan kefahaman semata-mata. Proses meriwayatkan sesuatu hadith <عن> iaitu daripada siapa kepada siapa tidak berlaku semasa murid-murid menduduki peperiksaan SPM”.*

TBGPITS, u.10

Penetapan sukatan pelajaran bagi kedua-dua bidang tersebut juga adalah selaras dengan peruntukan masa PdP yang ditetapkan oleh pihak SMIYTB, iaitu selama 60 minit pada setiap minggu. Hal ini adalah sebagaimana yang didapati dalam petikan temu bual berikut:

*“Satu jam...60 minit, dua masa”.*

FGD3/ Inf2, u.45

Hal ini juga diperkukuhkan lagi dengan dapatan analisis dokumen sebagaimana dalam jadual 3 berikut:

**Jadual 3 Peruntukan Masa PdP mata pelajaran *Turāth al-Sunnah* Dalam Tempoh Seminggu**

<b>Tingkatan</b>	<b>Hari</b>	<b>Masa</b>	<b>Analisis Peruntukan PdPC <i>Turāth al-Sunnah</i> mengikut Masa/ Minit dalam Seminggu</b>
4 Asim	Selasa	10.50 pagi – 11.50 pagi	2 masa/ 60 minit
4 Hamzah	Khamis	9.30 pagi – 10.30 pagi	2 masa/ 60 minit
4 Nafi'	Khamis	11.50 pagi – 12.50 t/hari	2 masa/ 60 minit
5 Asim	Selasa	9.30 pagi – 10.30 pagi	2 masa/ 60 minit
5 Hamzah	Ahad	10.00 pagi – 11.00 pagi	2 masa/ 60 minit
5 Nafi'	Rabu	11.50 pagi – 12.20 t/hari 2.00 petang – 2.30 petang	2 masa/ 60 minit

Sumber: Jadual Waktu GPITS bagi Tahun 2020 (*dtr04*)

Berdasarkan jadual 3 tersebut, jelas dapat dilihat peruntukan masa PdP bagi mata pelajaran *turāth al-Sunnah* adalah selama 60 minit seminggu bagi kedua-dua bidang pengajian ilmu hadith. Selain itu, proses pengajian tersebut dilaksanakan selama dua tahun sahaja iaitu bermula dari tingkatan empat dan diakhiri di tingkatan lima. Justeru itu, walaupun peruntukan masa pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran ini adalah sungguh jauh berbeza jika dibandingkan dengan sistem pengajian *turāth al-Sunnah*

yang berasaskan *talaqqī* bersanad yang mengambil tempoh yang lama, penetapan sukatan pelajaran bagi kedua-dua bidang tersebut amat bersesuaian dengan tempoh pengajian dan peruntukan masa yang dilaksanakan.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* di SMIYTB adalah merupakan mata pelajaran yang baharu diperkenalkan oleh KPM. Ia bertujuan untuk memberikan pendedahan asas kepada murid-murid untuk mempelajari hadith-hadith Nabi SAW dan juga ilmu *Muṣṭalāh al-Ḥadīth* berpandukan kitab-kitab *turāth* dalam kedua-dua kemahiran bidang pengajian tersebut. Walau bagaimanapun, sistem pelaksanaan kurikulum tersebut adalah berbeza dengan apa yang dilaksanakan di institusi-institusi pengajian pondok dan juga madrasah pengajian hadith, malah telah disesuaikan dengan sistem pendidikan arus perdana yang diperkenalkan oleh KPM.

## Penutup

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, secara umumnya dapat disimpulkan pelaksanaan pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* merupakan mata pelajaran baharu yang diperkenalkan oleh KPM untuk murid-murid tingkatan 4 dan tingkatan 5 yang mengikuti kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* di SMIYTB. Pelaksanaan pengajian dalam mata pelajaran tersebut juga adalah berasaskan pengajian tentang kitab-kitab *turath* dalam bidang pengajian *al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalāh al-Ḥadīth*, serta diperkenalkan kepada murid-murid untuk memberikan pendedahan dan pengenalan secara asas kepada mereka bagi mendalami hadith-hadith Nabi SAW secara tekstual dan kontekstual, memahami ilmu-ilmu *Muṣṭalāh al-Ḥadīth* dan

bersedia untuk mendalami bidang pengajian ini ke peringkat yang lebih tinggi.

Namun begitu, pengajian *turāth al-Sunnah* yang diamalkan di institusi pendidikan berkenaan tidak boleh disamakan dengan pengajian ilmu hadith secara *turāthī* sebagaimana yang diamalkan di institusi pengajian pondok dan madrasah-madrasah pengajian hadith. Hal ini jelas dilihat dari sudut pelaksanaan pengajian mata pelajaran tersebut yang didapati lebih berteraskan peperiksaan atau 'exam-oriented', tempoh pengajian yang singkat iaitu selama dua tahun sahaja dan peruntukan masa pengajian bagi kedua-dua bidang pengajian (*al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth*) adalah sekitar 60 minit sahaja pada setiap minggu.

Hal ini menyebabkan beberapa jenis aktiviti PdP pengajian ilmu hadith yang berkonsepkan pengajian *turāthī* seperti metode *al-Taḥammul wa al-'Adā'* dan *talaqqī* bersanad tidak dapat dilaksanakan dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab*. Selain daripada itu, walaupun mata pelajaran tersebut dikenali sebagai pengajian berkitab berteraskan kitab-kitab *turāth* ia telah pun disesuaikan dengan realiti sistem persekolahan arus perdana. Dalam erti kata lain, pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran tersebut adalah mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh KPM. Sebagai contohnya, hanya 18 matan hadith beserta huraiannya dipilih daripada kitab matan *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* dan juga kitab syarahnya *al-Wāfi fī Sharḥ al-Arba'īn al-Nawawīyyah* untuk dijadikan sukatan pelajaran bagi bidang *al-Ḥadīth*. Manakala bagi bidang *Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth*, hanya 27 *bayt* yang dijadikan sebagai sukatan pelajaran. Maka tidak keterlaluan, jika disimpulkan bahawa pelaksanaan pengajian ilmu hadith dalam mata pelajaran *turāth al-Sunnah* kurikulum *al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab* adalah

merupakan pengajian ilmu hadith yang berbentuk pendedahan asas kepada murid-murid dengan sedikit penerapan unsur-unsur pengajian *turāth* sepanjang pelaksanaannya di SMIYTB.

## Rujukan

- Abdullah, Mohd Napiah. (1989). Pengajian Hadis Di Institusi Pondok: Satu Kajian Di Daerah Baling, Kedah. *Islāmiyyāt* 10, 31–42.
- Al-Akiti, Muhammad Ayman. Berani Sahut Cabaran Semarak Tradisi Ilmu. BHONLINE 25 Julai 2018 dicapai 15 Disember 2019. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/07/453458/berani-sahut-cabaran-semarak-tradisi-ilmu>.
- . Empat Tahun Tidak Cukup Jadi Alim. BHONLINE 30 Disember 2018, dicapai 16 Disember 2019. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/12/514305/empat-tahun-tidak-cukup-jadi-alim>.
- al-Imām Abī Zakariyya Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī. (2014). *Kitāb Al-Arbaʿīn Al-Nawawīyah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Azizi Umar dan Noor Hisham Md Nawī. (2016). *Kekangan Peruntukan Waktu Mata Pelajaran Kurikulum Diniiah Di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ( SABK) Kelantan Dalam Memenuhi Kurikulum Kebangsaan MALIM-Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 17, 53-67.
- Baru, Rohaizan. (2015). Perkembangan Ilmu Hadis Di Negeri Terengganu Darul Iman. *Jurnal Usuluddin* Volume 23 (23), 91–116.
- Darussalam, Ghazali dan Sufean Hussin. (2018). *Kajian, Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan : Amalan Dan Analisis*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Deraman, Fauzi, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah. (2010). *Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh, Karya Dan Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Ḥadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Farah Nur-Rashida, Farhah Zaidar dan Siti Mursyidah. (2019). Ilmuwan Pengamal Sanad Sahih Al-Bukhari Alam Melayu Di Malaysia. *Jurnal Melayu* 18(2), 256–67.
- Hasan Muḥammad al-Mashāṭ. (2016). *Al-Taqrīrāt Al-Saniyyah Fī Ḥall Alfāz Al-Manzūmah Al-Bayqūniyyah*. Terengganu: Darr Omar al-Mokhtar Sdn. Bhd.
- Ilyas, Maulana Muhammad dan Mohd Akil. (2017). Pembelajaran Ilmu Hadith Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Di Malaysia. *Jurnal Al-Turath* 2 (1),10–19.
- Imtiaz School of Excellence Program Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab. Terengganu: Yayasan Terengganu, t.t.
- John W. Creswell. (2014). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. United States of America: SAGE Publications, Inc.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Turath Al-Quran Dan Al-Sunnah Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Tingkatan 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. (2019). Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019.
- Muṣṭafā Dīb al-Bughā dan Muḥyi al-Dīn Mistū. (2006). *Al-Wāfi Fī Sharḥ Al-Arba 'īn Al-Nawawiyah*. Damshiq: Dār al-Muṣṭafā.
- Rosli, Qutrennada dan Ahmad Yunus Mohd Noor. (2017). Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Di Darul 'Ulūm Iḥyā' 'Ulūmuddīn Alor Setar Kedah: Keberkesanan, Metodologi Dan Persepsi Pelajar. *Akademika* 87 (3), 137–49.
- . Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal dalam *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (Kaspi) 2015, UKM, 8 Disember*



2015), 131–38, 2015.

- Soroni, Mohd Khafidz. (2019, 14 Oktober). Pelajari Hadis Perlu Berguru Elak Salah Tafsir. BHONLINE. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/10/617439/pelajari-hadis-perlu-berguru-elak-salah-tafsir>.
- Tāhā Ibn Muhammad al-Bayqūnī. (2012). *Al-Manzūmah Al-Bayqūniyyah Fī Muṣṭalāḥ Al-Ḥadīth*. Kaherah: Dār al-Ghad al-Jadīd.

